



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

#### **PEGAWAI EKONOMI KANAN (B.3) JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI EKONOMI KANAN  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar / Ekonomi / Pembangunan Dasar Ekonomi dan Antarabangsa / Pengurusan Perniagaan / Pengurusan Projek / Pentadbiran / Sains Kemasyarakatan / Undang-Undang (*Law*) / Undang-Undang Perniagaan atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Pegawai Ekonomi atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Pegawai Ekonomi atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Bagi yang tidak mempunyai ijazah hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

### **DI JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

#### **01. HAL EHWAL PENGGUNA**

- a. Bertanggungjawab bagi membantu Pengarah dan / atau Penolong Pengarah dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan dan pengurusan hal ehwal pengguna;
- b. Menguatkuasakan dan memantau pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011;
- c. Menjalankan rebiu, penyelidikan dan rancangan penambahbaikan terhadap dasar, perundangan dan sistem berkaitan dengan kawalan harga dan perlindungan pengguna;
- d. Menyediakan dan melaksanakan program / aktiviti pemberigaan yang berkaitan dengan kawalan harga dan hal ehwal pengguna dengan matlamat untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti ke arah perkembangan ekonomi dan perdagangan;
- e. Menjalankan penyelidikan dan analisa mengenai tren perubahan harga serta yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna; dan
- f. Mengikuti perkembangan hal ehwal pengguna ke arah meningkatkan kerjasama dengan pengguna, media dan masyarakat pengguna tempatan dan antarabangsa.

#### **02. HAL EHWAL PERSAINGAN**

- a. Bertanggungjawab bagi membantu Pengarah dan / atau Penolong Pengarah dalam urusan-urusan pentadbiran, perancangan dan pengurusan hal ehwal persaingan;
- b. Mengetuai kumpulan dalam pengendalian serta penyiasatan terhadap aduan-aduan yang diterima mengenai isu persaingan;
- c. Mewujudkan sistem dan prosedur kerja bagi melancarkan pelaksanaan undang-undang persaingan;



- d. Melaksanakan dan menyediakan bahan-bahan serta kerja-kerja pemberigaan seperti program advokasi dan pendidikan undang-undang persaingan dalam memastikan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai manfaat dan implikasi Perintah Persaingan 2015 dan mewujudkan persekitaran yang menjurus kepada pematuhan terhadap undang-undang persaingan di kalangan para peniaga dan penggubal dasar (*policy makers*) di Negara Brunei Darussalam;
- e. Melaksanakan kerja-kerja nasihat dasar dan undang-undang (*policy advisory*) yang berkaitan dengan isu persaingan kepada entiti peniaga dan pihak Kerajaan;
- f. Mengurus dan memimpin pegawai-pegawai bawahan dalam kerja-kerja penyelidikan, nasihat undang-undang, penyiasatan terhadap aduan-aduan mengenai isu persaingan dan kerja-kerja pemberigaan;
- g. Menjalankan rebiu, penyelidikan, rancangan dan kajian terhadap dasar dan perundangan persaingan serta perkara-perkara yang berpotensi menjelaskan persaingan di pasaran Negara Brunei Darussalam;
- h. Menjalankan tugas dan tanggungjawab lain yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa; dan
- i. Mengendalikan tugas seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.